

**PEMBINAAN KERANGKA AKTIVITI KESUKARELAWANAN YANG BERKESAN
OLEH MAHASISWA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)
KAMPUS, JOHOR BAHRU, JOHOR**

Nor Shafikah Mukhtar

Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Norlaile Salleh Hudin

Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Corresponding Author's Email: shafikahmukhtar@gmail.com

Article history:

Received : 24 November 2021

Accepted : 8 December 2021

Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka faktor pelaksanaan, kesan dan cabaran aktiviti kesukarelawanan yang berkesan oleh mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian kualitatif ini dilakukan ke atas responden seramai lima orang mahasiswa “*Kelab Volunteer*” di UTM yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Kaedah pengumpulan data yang telah digunakan ialah temubual bersemuka. Data temubual telah dianalisis dengan menggunakan analisis tematik di mana temubual ditranskrip secara verbatim dan dikodkan untuk mengenalpasti tema-tema. Kajian ini mendapati majoriti mahasiswa “*Kelab Volunteer*” di UTM melaksanakan aktiviti kesukarelawanan ini untuk mendapatkan mata jam kredit di dalam markah kokurikulum dan juga mengikut rakan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan berupaya untuk meningkakan nama sesebuah universiti tersebut dan membina hubungan yang baik dengan masyarakat sekeliling. Cabaran pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan ialah bilangan mahasiswa “*Kelab Volunteer*” di UTM yang sedikit di setiap program mengehadkan aktiviti kesukarelawanan. Implikasi kajian ini menekankan peranan pendidikan ke arah memahami matlamat sebenar aktiviti kesukarelawan demi mengimbangi ekonomi dan manfaat sosial masyarakat. Penggubal dasar juga dapat memanfaatkan hasil kajian ini dalam merangka inisiatif bagi menggalakkan amalan kesukarelawanan secara meluas untuk tujuan yang lebih baik.

Kata kunci: Penglibatan Mahasiswa Dalam Aktiviti Kesukarelawanan, Kesan Penglibatan Mahasiswa Dalam Aktiviti Kesukarelawanan, Cabaran Penglibatan Mahasiswa Dalam Aktiviti Kesukarelawanan

**BUILDING A FRAMEWORK OF EFFECTIVE VOLUNTEER ACTIVITIES BY STUDENTS AT
UNIVERSITY OF
TECHNOLOGY MALAYSIA (UTM) CAMPUS,
JOHOR BAHRU, JOHOR**

ABSTRACT

This study is aimed to explore the conduct factors, effects and challenges of effective volunteering activities done by UTM students. This qualitative study was conducted on respondents of five UTM students from Volunteer Club which was chosen through purposive sampling. Data were collected through interview and analyzed using thematic analysis; where all interviews had been verbatimly transcribed and coded to identify the themes. Study found that majority of UTM Volunteer Club members participated in volunteering activities in order to complete their credit hours for extracurricular marks and to follow their friends. Nevertheless, volunteering activity is proven to raise university's name and forge good relationship with surrounded community. The main challenge faced by this activity is the small number of students involving in programs held by Volunteer Club limits the effectiveness of the activity. The implication of this study is it emphasizes the role of education to inculcate understanding of volunteering activity in balancing economy and social benefits. By using the findings of this study, the lawmaker can develop more initiatives to promote volunteering activities to benefit our country.

Keywords: *Student Involvement in Volunteer Activities, The Impact of Student Involvement in Volunteer Activities, Challenges of Student Involvement in Volunteer Activities*

PENGENALAN

Sukarelawan merupakan suatu kejadian yang telah diamalkan oleh beberapa generasi. Cuma syarat dan skopnya sahaja yang berbeza. Pada era dulu, penduduk di kampung bekerjasama untuk membina rumah, memindahkan rumah, kenderaan dan seumpamanya tanpa sebarang balasan. Aktiviti sukarelawanan seperti itu dapat mengurangkan bebanan mereka yang memerlukan.

Menurut Hal Ehwal Pelajar (Utem) [1], mahasiswa merupakan golongan yang berpendidikan tinggi yang boleh dijadikan sebagai satu contoh yang terbaik kepada masyarakat sekeliling. Dengan adanya program kesukarelawanan ini ia boleh melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab terhadap isu sosial kerana mereka perlu melibatkan diri secara langsung dalam membantu menyelesaikan ketidakseimbangan dalam masyarakat.

Garis Panduan *Gap Year* [2], Program *Gap Year* telah menempatkan mahasiswa dengan badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk melakukan aktiviti kesukarelawanan. Program *Gap Year* diumumkan semasa Majlis Menteri Pengajian Tinggi 2017 untuk memenuhi Rancangan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT). Matlamat utama adalah untuk menghasilkan graduan yang holistik, seimbang dan berorientasikan sukarelawan. *Gap Year* merupakan agenda yang dilaksanakan dalam jangka masa tertentu untuk mahasiswa merenung dan meneroka melalui program sukarelawanan. *Gap Year* juga telah dirancang dengan keistimewaan yang membolehkan mahasiswa menangguhkan pengajian mereka bagi melaksanakan kerja sukarela yang dirancang dengan agensi terpilih. Program ini sejarah dengan Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) iaitu untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan.

Di samping itu, menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025), [3] Kementerian Pendidikan melancarkan tinjauan komprehensif mengenai sistem pendidikan nasional dalam usaha mengembangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang baru. Keputusan untuk melakukan kajian terhadap sistem pendidikan dibuat dalam konteks peningkatan taraf pendidikan antarabangsa, meningkatkan aspirasi nasional dalam menjadikan anak muda bagi memenuhi abd ke-21, dan meningkatkan harapan ibu bapa dan masyarakat terhadap dasar pendidikan nasional. Untuk memastikan setiap orang memahami setiap peranan penting yang mereka

nikmati maka mereka perlu memastikan keberkesanannya dan kelestarian transformasi sistem pendidikan Malaysia.

PERNYATAAN MASALAH

Pada zaman sekarang, semangat sukarelawan, perpaduan kaum, keterlibatan dalam sesuatu perkara yang berfaedah, tradisi berkongsi dan amalan bantu membantu antara satu sama lain semakin luntur apabila masyarakat sekeliling bersikap pentingkan diri sendiri (Clary & Synder, 1999). Menurut Dorsch et al (2002), hal-hal sebegini perlu diuruskan dengan baik dan teratur oleh setiap pihak, sama ada pihak kerajaan, individu, Badan Kerajaan (NGO) sehingga institusi kekeluargaan. Sebagai contoh bagi memastikan semangat mahasiswa sentiasa mekar subur maka semangat sukarelawan perlu di asah dan digilap dalam diri mereka dari awal lagi bak kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Dengan adanya Pengisytiharan Tahun Sukarelawan Negara semenjak tahun 2009, ini menandakan betapa pentingnya bidang sukarelawan dalam melahirkan golongan pelapis yang lebih prihatin, saling membantu dan kesatuan semangat sukarelawan yang wujud dalam diri setiap belia di Semenanjung Malaysia ini akan terus berkekalan dan menjadi pedoman kepada golongan ini bagi menjadi pemimpin negara yang lebih aktif dan bijaksana dari kaca mata dunia.

Dasar dan agenda pembangunan belia dalam sebuah negara, sama ada yang dirancang oleh pihak kerajaan maupun pihak pertubuhan sukarelawan atau NGO, tidak akan terlaksana dengan jayanya tanpa tenaga sukarelawan pada pelbagai peringkat. Malahan, tanpa ahli sukarelawan aktiviti pertubuhan belia akan menjadi sukar untuk digerakkan dan tidak akan terlaksana (Bang dan Ross, 2009). Tambahan pula, Chacon et al. (2011) dan Dorsch et al. (2002) berpendapat bahawa sukarelawan dari aspek pengorganisasian, agensi pembangunan, program kebajikan dan kepentingannya masih hidup dihayati sebaiknya oleh golongan masyarakat. Hal ini berlaku kerana ada sesetengah pihak beranggapan bahawa sukarelawan ini merupakan suatu yang tersirat iaitu wujud bersama-sama dalam kerja pertubuhan belia. Mereka juga berpandangan bahawa dengan menggerakkan dan mengurus pertubuhan belia bererti menghayati dan menyemarakkan aktiviti sukarelawan.

Menurut Baum dan Lockstone (2007), Clary dan Snyder (1999) serta Drucker (1994), walaupun sebahagian sikap dan pandangan tersebut mungkin benar, namun demikian masih belum cukup bagi menjelaskan dan keperluan meningkatkan penghayatan tentang semangat kesukarelawan. Hal ini kerana, sebenarnya sukarelawan mempunyai definisi maksud yang jauh lebih mendalam daripada apa yang dijelaskan itu. Tambahan pula, Batson et al. (2002) berpendapat bahawa aktiviti sukarelawan ini sudah boleh diterima oleh masyarakat sekeliling disebabkan oleh kesan langsung yang terjadi terhadap kehidupan bermasyarakat. Sehingga kini bidang atau aspek kesukarelawan meliputi tidak kurang daripada lapan isu iaitu pertubuhan dan gerakan sosial, pembangunan sukarelawan, aktiviti dan khidmat sukarela, ilmu tentang aspek kesukarelawan, kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh sukarelawan, pengurusan sukarelawan, pengurusan pertubuhan sukarela dan kepimpinan sukarelawan (Chacon et al. 2011).

Menurut Batson et al. (2002) dan Dorsch et al. (2002), bagi memastikan mahasiswa menjadi sukarelawan yang berkualiti, mereka perlu untuk menghayati beberapa aspek seperti diri sendiri, masyarakat, persekitaran, sistem, peraturan dan pihak-pihak yang berada dalam persekitarannya. Baum dan Lockstone (2007) serta Pearce (1982) berpendapat bahawa hal ini perlukan cara dan agenda yang tertentu bagi memastikan mereka dapat menyerlahkan potensi diri mereka dengan baik, seperti melalui latihan, pendedahan dan juga dari segi galakan. Dengan adanya strategi seperti ini maka mereka akan sedar tentang kepentingan sukarelawan. Oleh itu, mereka pada akhirnya akan peroleh motivasi bagi menyumbangkan tenaga secara sukarelawan kepada masyarakat dan juga negara. Bagi sebuah negara yang maju seperti negara Jepun dan Korea mereka menganggap aspek sukarelawan ini sangat penting dan sumbangannya jelas dalam kerangka pembangunan sosial, ekonomi dan persekitaran hidup (Artikharina Awang dan Zakaria Mustafa, 2013). BBC News (2012) berpendapat bahawa di London, sukarelawan yang bertugas semasa Hari Sukan Olimpik London menyatakan bahawa mereka tidak mendapat ganjaran dalam bentuk kewangan walaupun sesen

daripada pihak kerajaan untuk khidmat kesukarelawanan tersebut. Mereka lakukan sukarelawanan tersebut dengan ikhlas.

Di Australia, pro Bono Australia (2014) berpendapat ada lima juta sukarelawanan daripada 28 juta keseluruhan penduduk berdaftar dalam program-program kesukarelawanan negara yang lebih dikenali sebagai *National Volunteer Week* (Minggu Sukarelawanan Nasional). Namun berbeza dengan negara maju yang lain seperti di Eropah, sesetengah kerajaan dan pihak swasta di negara tersebut ada menyediakan wang kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela dengan tujuan bagi membantu atau merangsang sikap kesukarelawanan. Hal ini jelas membuktikan bahawa aspek kesukarelawanan ini sangat penting dalam arus pembangunan sesebuah negara.

Tajul Arifin Muhamad dan Aishah Nadirah Mohd Alauddin (2013) serta Artikharina Awang dan Zakaria Mustafa (2013) telah mengatakan bahawa sektor kesukarelawanan di Malaysia melalui badan bukan kerajaan juga boleh memberi sumbangan ataupun dana kepada pembangunan, namun demikian masih jauh di belakang dalam banyak aspek berbanding dengan negara maju yang lain. Seperti aktiviti yang berkaitan dengan pembersihan awam, gotong –royong bagi membantu golongan yang lebih memerlukan, memberi galakan untuk meningkatkan kebersihan dan juga dapat menambahkan tahap pendidikan masyarakat sekeliling. Tambahan pula, dengan adanya Tahun Kesukarelawanan Malaysia pada tahun 2013, dengan harapan agar dapat meningkatkan imej negara yang berada pada kedudukan ke -76 berbanding 160 negara dengan berasaskan penelitian terhadap aspek kesanggupan dan kesungguhan bagi meluangkan masa untuk melakukan kerja kesukarelawanan, memberikan wang sumbangan untuk orang lain dan bersedia untuk membantu orang lain yang bukan warganegara.

Oleh kerana itu, melalui agensi pihak kerajaan yang berkaitan telah menyediakan pelbagai insentif bagi daya tarikan untuk menarik perhatian remaja mahupun golongan belia agar mereka lebih berminat tertarik untuk menyertai program yang berkaitan. Sebagai contoh dengan melancarkan program yang berbentuk penghayatan belia terhadap kesukarelawanan seperti *One Malaysian for Youth* (1M4U). Program seperti ini adalah untuk menyuntik semangat kesukarelawanan dalam kalangan anak muda atau lebih dikenali sebagai Generasi Y (Utusan Malaysia, 2012). Golongan anak muda sinonim dengan aktiviti kesukarelawanan memandangkan mereka dilihat antara golongan yang sanggup untuk mengambil risiko dan juga mempunyai masa yang terluang yang banyak serta cukup bertenaga. Dengan adanya inisiatif dari pihak kerajaan untuk memperkenalkan IM4U sebagai salah satu usaha yang tepat supaya golongan mahasiswa dapat menghayati kepentingan aspek kesukarelawanan sebagai gaya hidup dan amalan harian.

Dengan adanya inisiatif penerapan semangat kesukarelawann dalam kalangan belia, ini bukanlah merupakan antara usaha yang baharu. Sebagai contoh, cadangan pembentukan Dasar Belia Negara yang pertama pada sekitar 1970-an telah memasukkan perkara yang berkaitan dengan “kesukarelawanan” dan telah dinyatakan dengan jelas sebagai salah satu tujuan bagi kewujudan awal tersebut. Tambahan pula, seiring dengan niat tersebut usaha bagi “menegak dan mengukuhkan prinsip sukarela dan demokratik dalam pergerakan belia” juga merupakan satu daripada matlamat Perlembagaan Majlis Belia Malaysia (MBM) 1979. Kemudian, terdapat pelbagai kumpulan, bridged atau kor sukarelawan pada awal tahun 2000 yang bersemangat dan ghairah diisyiharkan oleh pelbagai pihak, namun ia seringkali tidak lebih daripada itu, atau tidak dapat bertahan lama. Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan prinsip sukarela dapat dicapai, maka wujudnya pusat, jabatan atau cawangan, program-program dan kegiatan-kegiatan sukarela yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Antara program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan menganjurkan Program Jati diri Kesukarelaan Nasional (PJKN), program ini ala kursus yang dilaksanakan di daerah-daerah seluruh Malaysia dengan tujuan mendedahkan belia kepada perkara-perkara asas kesukarelawanan. Namun demikian, pada masa kini program tersebut telah diberhentikan atas alasan yang tertentu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa golongan belia masih lemah dari segi penghayatan berkaitan kesukarelawanan ini. Oleh itu, dengan hasrat murni pihak kerajaan ia mampu untuk menggagalkan pelbagai usaha yang dilaksanakan demi kebaikan bersama.

Justeru, Majlis Belia Malaysia (MBM) dan badan gabungannya juga seharusnya menerima hakikat bahawa penghayatan belia berbilang kaum terhadap kesukarelawanan merupakan suatu cabaran besar yang harus dipikul bersama. Tambahan pula, segala pergerakan dan aktiviti mahasiswa

perlu memberi makna kepada aspek penghayatan mahasiswa terhadap kesukarelawanan, di mana maksud dan semangat harus lahir dari rasa tanggungjawab generasi muda demi kesejahteraan diri dan masyarakat. Menurut Azizan Bahari (2010) dan Saifuddin Abdullah (2001), menyatakan golongan belia juga dikatakan menolak, tidak berminat dan kurang penghayatan berkaitan dengan aktiviti penubuhan mahasiswa. Namun sekiranya hal seperti ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya, maka segala usaha dan program pembangunan mahasiswa yang dirancang oleh universiti tidak akan berjaya.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti faktor penglibatan mahasiswa dalam pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan.
- ii. Mengenal pasti kesan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawan.
- iii. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa dalam pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan.
- iv. Membina kerangka penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan yang berkesan.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Mengapakah mahasiswa terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan?
- ii. Bagaimanakah aktiviti kesukarelawanan memberi kesan ke atas mahasiswa?
- iii. Bagaimanakah cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa memberi kesan ke atas keberkesanan aktiviti kesukarelawanan?
- iv. Apakah kerangka aktiviti kesukarelawanan yang berkesan?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan kerangka aktiviti sukarelawanan di kalangan mahasiswa. Jika dibandingkan dengan kajian yang sebelum ini, kajian hanya fokus kepada pelaksanaan aktiviti sukarelawan oleh masyarakat sahaja tetapi tidak untuk mahasiswa di peringkat pengajian tinggi. Aktiviti kesukarelawanan di kalangan mahasiswa mampu untuk melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab terhadap masalah sosial yang wujud dalam masyarakat kerana mereka perlu untuk melibatkan diri secara langsung bagi memastikan masalah perbezaan yang wujud dalam masyarakat dapat diselesaikan dengan baik.

Ini sejajar dengan Sebelas Peralihan ke Transformasi Sistem (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025), yang merupakan Kenaikan 3, yang melahirkan orang yang menghargainya. Mahasiswa pada hari ini juga akan mewarisi dunia yang akan datang dengan penuh cabaran yang besar, dari pemusnahan alam sekitar sehingga konflik bersenjata. Bagi memastikan mahasiswa dapat mengatasi setiap cabaran, seseorang mahasiswa perlu memiliki kemahiran kepimpinan, tetapi juga nilai-nilai yang universal seperti integriti, belas kasihan, keadilan dan altruisme dapat membimbing mereka dalam membuat keputusan yang beretika (Johari Hassan, 2019).

Dengan adanya dapatan kajian ini, diharapkan dapat memberi manfaat kepada mahasiswa yang berkeinginan untuk lakukan aktiviti kesukarelawanan. Dengan maklumat yang mencukupi, mahasiswa dapat melakukan aktiviti kesukarelawanan yang memerlukan penglibatan langsung bagi membantu menyelesaikan masalah ketidakseimbangan yang wujud dalam masyarakat. Tambahan pula, hasil kajian ini dapat digunakan oleh mahasiswa sukarelawanan untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran sukarelawanan sambil juga meningkatkan kejayaan dan pencapaian aktiviti kesukarelawanan.

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak universiti bagi mengenalpasti sasaran yang tepat berdasarkan bentuk aktiviti yang sesuai. Ini dapat mengelakkan pembaziran tenaga, masa dan wang. Sekiranya tidak diberi perhatian dan tidak di ambil endah berkaitan perkara ini maka aktiviti yang dijalankan sia-sia dan tujuan sebenarnya tidak akan tercapai.

Tambahan pula, universiti juga dapat menggunakan kerangka konsep dengan lebih cekap dan berkesan. Di samping itu, dengan adanya dapatan kajian ini dapat memberikan maklumat asas kepada

pentadbir di setiap institusi pengajian tinggi dalam merancang program sukarelawanan agar dapat menarik minat mahasiswa untuk terus berkhidmat kepada masyarakat yang memerlukan.

Dengan adanya segala maklumat yang mencukupi, mahasiswa dapat merancang aktiviti sukarelawanan yang memberi manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan seperti masyarakat sekeliling. Tambahan pula, hasil kajian ini juga dapat dijadikan oleh mahasiswa sebagai persiapan diri untuk menghadapi segala cabaran sepanjang menjalankan aktiviti sukarelawanan sambil meningkatkan kejayaan dan pencapaian aktiviti sukarelawan.

DEFINISI OPERASIONAL

Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukarelawan

Sukarelawan merupakan satu sifat yang murni dan bernilai tinggi. Ini kerana setiap pekerjaan yang dilakukan secara sukarela dapat memupuk semangat kerjasama dan pertolongan yang membolehkan orang hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Setiap orang yang terlibat dalam kerja dan program sukarela, sama ada secara individu atau berkumpulan, sama ada sistematik atau tidak, dan sama ada tenaga itu diberikan atau tidak, dianggap sebagai amalan terpuji [17].

Kesan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Sukarelawan

Terdapat pelbagai kesan positif yang akan dimiliki oleh mahasiswa universiti daripada penglibatan mereka dalam aktiviti sukarelawanan. Ini dapat meningkatkan kesejahteraan fizikal mereka, mewujudkan rangkaian sosial yang lebih luas dan, seterusnya dapat membantu menyelesaikan masalah sosial yang wujud dalam masyarakat. Di samping itu, melalui program sukarelawan di kalangan mahasiswa adalah mungkin untuk melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab terhadap masalah sosial yang wujud dalam masyarakat kerana mereka perlu terlibat secara langsung untuk membantu menyelesaikan masalah ketidakseimbangan yang wujud dalam komuniti tersebut. Mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti yang berkaitan dengan sukarelawan dikenal pasti mempunyai perubahan yang signifikan dalam nilai sosial mereka.

Cabarani Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukarelawan

Dalam pelbagai masyarakat, tradisi berkongsi dan menolong adalah elemen penting dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, amalan seperti ini semakin terhakis pada zaman moden. Ini dapat dibuktikan dengan adanya masyarakat yang tidak mementingkan persekitaran mereka. Mereka menjalani kehidupan mereka dengan cara yang tersendiri tanpa mengira jiran di sekeliling mereka. Ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor seperti kurangnya kesedaran, materialisme dan kekangan masa. Di samping itu, rakyat Malaysia terutamanya orang Melayu terkenal dengan budaya yang bermanfaat dan bekerjasama sejak zaman berzaman. Amalan seperti ini sangat berakar umbi dalam masyarakat. Namun, jika ada yang ingin menguruskan pekerjaan sukarelawan ini secara profesional dan teratur di bawah badan-badan tertentu, mereka akan menghadapi masalah untuk bergabung. Masalah dengan komitmen ini akan menghalang pengurusan gerakan sukarela. Selain itu, masa telah menjadi halangan utama dalam pelaksanaan kegiatan sukarelawan. Masa juga sangat berharga dan jika dihabiskan untuk sesuatu yang tidak membawa pulangan tentu tidak relevan bagi sesetengah orang. Oleh kerana kurangnya komitmen dan pemahaman mengenai konsep sukarelawan, terdapat sebilangan sukarelawan yang gagal melaksanakan tugas dan misi mereka.

TINJAUAN LITERATUR

Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukarelawan

Faktor motivasi pada individu yang terlibat juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Dalam teori pembelajaran sosial (Bandura, 1997) dan teori ekologi manusia (Bronfenbrenner, 1989) telah menjelaskan bahawa komunikasi dan persekitaran seperti keluarga, rakan sebaya, sekolah dan jiran memainkan peranan yang penting dalam mendorong penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawan. Tambahan pula, dengan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan ini telah memberi banyak pengajaran berkaitan tentang berbuat baik dengan orang sekeliling. Salah satu punca mereka yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawan ini adalah kerana berpegang dengan ajaran agama yang mengajar kita untuk sentiasa berbuat baik dengan orang sekeliling. Azizan (2009), mahasiswa seharusnya menanamkan sikap keinginan dan minat yang tinggi dalam diri. Ini adalah kerana dengan terlibat dengan aktiviti kesukarelawan seperti ini, ia mampu untuk meningkatkan kualiti hidup mahasiswa dan juga masyarakat setempat dengan adanya aktiviti yang proaktif dan berkesan. Tidak kurang juga pendapat dari Nadirah Aishah (2013), mahasiswa melibatkan diri aktiviti kesukarelawan ini semata-mata kerana tuntutan nilai kredit dalam mata pelajaran yang telah ditentukan oleh pihak universiti terutamanya bagi mata pelajaran kurikulum.

Kesan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Sukarelawan

Sektor aktiviti kesukarelawan Malaysia melalui NGO juga dapat memberikan sumbangan yang besar kepada sektor pembangunan, tetapi masih jauh ketinggalan dalam banyak aspek berbanding dengan negara maju yang lain (Tajul Arifin dan Aishah, 2013) dan Artikharina Awang dan Zakaria Mustafa (2013). Fauziah Ibrahim (2015) berpendapat individu yang terlibat dengan aktiviti kesukarelawan lebih senang dan lebih terbuka untuk menolong orang sekeliling sekiranya mereka dewasa nanti. Asrul Nasid (2019), melibatkan diri dalam kesukarelawan merupakan satu langkah yang bijak dalam usaha untuk meningkatkan jaringan sosial. Tambahan pula, bagi Fauziah Ibrahim (2015) mahasiswa yang terlibat dengan kesukarelawan ini mempunyai gaya hidup yang lebih berdisiplin dan mereka yakin diri dan dapat menguruskan masa dengan lebih baik. Dengan adanya bantuan dari golongan sukarelawan ini, maka ia akan mengurangkan bebanan kerja pihak yang terlibat (Hasnuddin, 2018). Tambah Hasnuddin lagi, keputusan peperiksaan mahasiswa yang aktif dalam aktiviti mahasiswa ini juga bertambah baik dan cemerlang dan tidak memberi sebarang kesan negatif terhadap keputusan tersebut. Menurut Asrul Nasid (2019), bukan hanya minda mahasiswa yang berubah namun pihak kerajaan atau swasta juga akan menyediakan ruang dan peluang yang cukup serta pembiayaan yang mencukupi dalam memastikan nilai melalui aktiviti "gotong -royong" dan "belia" yang dulunya diketahui dapat diteruskan oleh generasi sekarang dan akan datang.

Cabaran Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukarelawan

Menurut Azahari (2013), universiti perlu menjalin hubungan dengan anggotanya sebagai kaedah untuk menolong mencapai matlamatnya. Hubungan ini dapat ditafsirkan sebagai proses pergantungan berterusan pada interaksi dan pertukaran antara sekurang-kurangnya dua pihak dalam konteks jaringan ini. Terdapat sukarelawan yang membandingkan kumpulan ini. Terdapat sekumpulan sukarelawan yang mempunyai dana besar yang dapat memberikan ganjaran tertentu, seperti pembayaran bantuan. Ini akan menyebabkan kumpulan sukarelawan lain cemburu atau mempersoalkan ganjaran yang mereka terima daripada kumpulan sukarelawan mereka (Noor Raha, 2015). Wan Nur (2015), penglibatan mahasiswa universiti dalam bidang sukarela masih kurang memuaskan. Menurut Syed Najihuddin (2016), bagaimanapun, jika ada yang ingin menguruskan pekerjaan sukarelawan ini secara profesional dan teratur di bawah badan-badan tertentu, mereka akan menghadapi masalah dalam penyertaan mereka. Masalah dengan komitmen ini akan menghalang pengurusan gerakan sukarela. Menurut Syed Najihuddin (2016), masa telah menjadi kekangan utama dalam pelaksanaan sebarang aktiviti sukarela. Masa juga sangat berharga dan jika dihabiskan untuk

sesuatu yang tidak membawa pulangan tentu tidak relevan bagi sesetengah orang. Lilah Yasin (2016), mendapati bahawa aspek penghayatan di kalangan orang ramai seperti pelajar terhadap semangat kesukarelaan adalah isu penting tetapi dipandang rendah oleh pelajar dan terlibat dalam aktiviti sukarelawan tanpa penghargaan. Sumbangan dalam kajian ini menumpukan pada penghargaan pelajar berbilang kaum terhadap semangat kesukarelaan. Menurut Siti Raba'ah (2016), cabaran lain adalah berkaitan dengan kemampuan untuk menampung sukarelawan. Masalah yang paling biasa berkaitan dengan kewangan, seperti kekurangan dana untuk menyokong pentadbiran aktiviti sukarelawan. Rosmahalil (2017), mendapati bahawa wanita dianggap lebih positif terlibat secara sukarela dan menolong masyarakat daripada lelaki. Ini kerana wanita dilihat lebih peka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat berbanding lelaki.

KONSEP PERKEMBANGAN KESUKARELAWANAN

Perkembangan sukarelawan telah mendokumentasikan bahawa kerja sukarelawan di Malaysia melalui organisasi telah wujud sejak penubuhan organisasi masyarakat seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), kelab masyarakat tempatan serta organisasi kebangsaan dan agama. Dari segi sejarah, penubuhan organisasi sukarelawan di Malaysia telah wujud sejak awal tahun 1900-an. Persatuan Pekerja Kristian Lelaki Muda (YMCA), misalnya, ditubuhkan pada tahun 1905 semasa era penjajahan Inggeris di mana sukarelawan terlibat dalam perkara Kristian. Kemudian pada tahun 1914, Persatuan Kristian Wanita Muda (YWCA) dilahirkan, rentetan dari YMCA. [13].

Menurut Turiman Suandi [14], menunjukkan bahawa pengembangan organisasi sukarelawan lain juga diperluaskan ke sekolah terutama dalam aliran Inggeris dengan mewujudkan organisasi yang seragam yang bertujuan untuk mewujudkan disiplin yang baik dan sikap positif di kalangan pelajar. Antara organisasi yang ditubuhkan untuk tujuan tersebut ialah seperti Saint John Ambulance ditubuhkan pada tahun 1908 dan Pasukan Pengakap pada tahun 1910. Pandu Puteri ditubuhkan khusus untuk wanita pada tahun 1917 dengan tujuan memberikan perkhidmatan sosial serta memupuk kebebasan dan kemandirian di kalangan mahasiswa. Perkembangan yang memberangsangkan ini terus berlaku apabila Persatuan Kelab Belia Malaysia (MAYC) atau dalam bahasa Melayu yang disebut Persatuan Kelab Belia Malaysia dibentuk pada tahun 1954 [15].

Sehingga kini [16], peranan organisasi sukarelawan telah berkembang selari dengan perkhidmatan pembangunan laut yang komprehensif. Dengan tujuan utama untuk menolong, pihak mereka juga ada memberikan bimbingan, nasihat dan peluang untuk bersaing dalam pelbagai kemudahan bagi memastikan dapat membantu golongan sekeliling yang lebih memerlukan. Namun, pengembangan organisasi kesukarelawanan ini juga menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Antaranya ialah Turiman Suandi [17] mengatakan bahawa pengetahuan dalam pengurusan yang kurang serta kemahiran teknikal di kalangan kakitangan pengurusan telah mempengaruhi perjalanan organisasi sukarelawan. Tambahan pula, organisasi kesukarelawanan ini juga menghadapi masalah dalam kewangan di mana sukarelawan berkhidmat secara tidak ikhlas dan mengharapkan bayaran sehingga menyebabkan aktiviti sukarelawan yang kurang cekap dan berkesan. Kesannya, sumber kewangan yang tidak mencukupi dan sukar untuk mendapatkan sumbangan dari beberapa organisasi telah membataskan perkhidmatan organisasi ini. Akibatnya, kegiatan sukarelawan tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang.

KAEDAH KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif menggunakan pendekatan fenomenologi induktif ini. Menurut Helaluddin [18], fenomenologi adalah memahami atau mengkaji pengalaman hidup manusia. Pendekatan ini telah berkembang menjadi kaedah kajian kualitatif yang matang dan matang selama beberapa dekad pada abad kedua puluh. Fokus umum kajian ini adalah untuk mengkaji atau mengkaji struktur pengalaman ke dalam kesedaran manusia [Tuffour, 19].

Populasi and responden

Populasi kajian ini adalah semua mahasiswa yang menjadi ahli “*Kelab Volunteer*” di UTM, Johor Bahru, Johor yang menjadi sukarelawan. Pemilihan responden dipilih berdasarkan persampelan bertujuan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan (Pomizi Resources, 2018)

Instrumen Kajian:

Beberapa instrumen pengumpulan data dalam kajian kualitatif, iaitu:

a. Temu bual

Temu bual untuk kajian ini dilakukan sebelum pemerhatian dalam lapangan di UTM. Setiap temu ramah mengambil masa sekitar 30 minit hingga 90 minit. Temu ramah merangkumi soalan yang berkaitan dengan latar belakang setiap aktiviti sukarelawan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan temu bual berstruktur. Ini kerana menurut Ab Samad Kechot [22], temu bual berstruktur bertujuan bagi mengumpulkan maklumat yang tepat seperti maklumat sosiodemografi, umur, pendapatan, status perkahwinan, tahap pendidikan dan sebagainya. Manakala temu ramah separa berstruktur bersifat fleksibel dan ini membolehkan informan menjelaskan apa pendapat mereka kepada pengkaji.

b. Pemerhatian

Dalam kajian ini, pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sewaktu mahasiswa UTM melakukan aktiviti sukarelawan bagi program “Sekolahku Kolaborasi Universiti (Sekolahku Universitiku)”. Tujuan pemerhatian dilaksanakan adalah untuk memastikan bahawa semua aktiviti sukarelawan dijalankan sesuai dengan proses yang ditentukan. Di samping itu, pengkaji juga telah membuat pemerhatian di sekitar universiti untuk melihat apa sebenarnya aktiviti sukarelawan. Gambar semasa aktiviti sukarelawan juga dilihat oleh pengkaji untuk memastikan bahawa aktiviti sukarelawan telah dijalankan. Masa yang diambil oleh penyelidik untuk melakukan pemerhatian ini hanyalah 30 minit pertama. Kemudian pengkaji akan mula menemu ramah responden.

c. Analisis Dokumen

Dalam kajian ini, dokumen yang ditemui oleh pengkaji adalah seperti gambar pemberi maklumat semasa aktiviti sukarelawan. Gambar-gambar ini boleh dijadikan bukti setiap aktiviti sukarelawan di dalamnya. Pemberi maklumat juga akan menerangkan aktiviti sukarelawan yang mereka laksanakan berdasarkan gambar.

DAPATAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan menggunakan pendekatan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006), terdapat tiga kategori tema utama iaitu faktor penglibatan mahasiswa dalam aktiviti sukarelawan, kesan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti sukarelawan dan cabaran penglibatan mahasiswa dalam aktiviti sukarelawan dalam membina berkesan kerangka aktiviti sukarelawan mahasiswa di UTM, Johor Bahru, Johor. Semua data daripada pelbagai bentuk termasuk temubual, pemerhatian dan dokumen telah dianalisis secara tematik. Kemudian, kesan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti sukarelawan adalah pembinaan negara, terbuka untuk menolong orang, memperbaiki jaringan sosial, berdisiplin, yakin dengan pengurusan yang baik, mengurangkan tekanan, meningkatkan keputusan peperiksaan dan mengubah minda. Cabaran penglibatan mahasiswa dalam aktiviti sukarelawan merangkumi koordinasi, perbandingan kumpulan, penglibatan sarjana muda, kekurangan komitmen,kekangan masa, kekurangan kesukarelaan, pembiayaan dan kurang penglibatan mahasiswa.

Pelajar 1 dalam kajian ini ialah Shukry. Shukry merupakan pengurus “*Kelab Volunteer*” di UTM. Dia adalah mahasiswa tahun tiga dalam bidang Kejuruteraan Perubatan. Penglibatan awalnya dalam “*Kelab Volunteer*” di UTM adalah kerana rakan-rakannya. Tetapi lama-kelamaan ia berubah

menjadi minat untuk menolong orang di sekitar secara sukarela. Bagi Shukry dia tidak merasakan bahawa melakukan pekerjaan sukarela akan mempengaruhi masa lapang dan pendidikannya. Malah semua tugasnya diselesaikan pada awal atau sebelum setiap program.

Pelajar 2 ialah Fazlin. Fazlin adalah mahasiswa jurusan Kejuruteraan Perubatan. Fazlin adalah ahli tetap “*Kelab Volunteer*” di UTM. Tetapi Fazlin adalah salah satu anggota yang paling aktif dan semua program sukarelawan yang berjaya dia ikuti. Dia mengambil bahagian dalam kerja sukarela ini sendiri. Dia hanya berteman semasa menghadiri program kelab.

Nabiha adalah mahasiswa ke-3 “*Kelab Volunteer*” di UTM yang telah ditemu ramah. Dia juga merupakan mahasiswa dari jurusan Kejuruteraan Perubatan. Nabiha sebenarnya adalah rakan Shukry (Pengerusi Kelab Sukarelawan). Penglibatan awalnya di kelab adalah kerana undangan Shukry. Tetapi lama-kelamaan ia menjadi minat. Namun, Nabiha tidak menghadiri semua program yang dianjurkan oleh “*Kelab Volunteer*” di UTM, tetapi dia lebih berminat dengan program khidmat masyarakat. Mahasiswa seterusnya dari “*Kelab Volunteer*” di UTM yang ditemu ramah adalah Darshini. Dia adalah pelajar jurusan Kejuruteraan Perubatan. Keterlibatan Darshalini dalam program sukarelawan ini adalah kerana minatnya untuk menyertai pertandingan “*Kelab Volunteer*” di UTM. Pertandingan ini adalah untuk memilih pelukis yang dapat melukis dan melukis dengan baik untuk program melukis sekolah. Dia juga menjelaskan bahawa dengan mengikuti program ini, dia telah mendapat banyak teman baru. Oleh itu, dia tidak pernah bimbang untuk menyertai program sendiri.

Aqila adalah ahli “*Kelab Volunteer*” di UTM ke-5 yang telah ditemu ramah. Aqila adalah mahasiswa tahun dua dalam Kejuruteraan Perubatan semester 2. Penglibatannya dalam kelab adalah menarik. Dia sangat berminat untuk menjadi sukarelawan sejak kuliah. Pelbagai program yang telah dia ikuti. Beliau juga merupakan pengerusi “*Kelab Volunteer*” di UTM. Dia adalah mahasiswa yang aktif dan kerap menjalankan program sukarela.

BATASAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa batasan yang perlu ditangani oleh pengkaji. Batasannya ialah kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Oleh itu, sumber maklumat utama adalah berdasarkan maklum balas responden melalui sesi temu ramah. Walaupun kaedah triangulasi dijalankan, kebolehpercayaan penemuan itu pasti bergantung pada kesungguhan dan keikhlasan pemberi maklumat dalam menjawab semua soalan semasa wawancara.

Tambahan pula, sebilangan kecil responden menyebabkan hasil kajian digeneralisasikan secara dalaman. Hasil kajian ini berdasarkan responden sahaja dan tidak mewakili keseluruhan populasi.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini telah mengkaji perkembangan kerangka aktiviti sukarelawan yang berkesan oleh mahasiswa “*Kelab Volunteer*” di UTM. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan mahasiswa “*Kelab Volunteer*” di UTM adalah kerana minat mereka sendiri untuk menyertai aktiviti ini. Kesan daripada penglibatan mahasiswa “*Kelab Volunteer*” di UTM adalah bahawa ia akan mengurangkan tekanan mereka semasa berada di universiti dengan beban kerja. Cabaran untuk penglibatan anggota “*Kelab Volunteer*” di UTM adalah masalah membayai dana untuk menyokong pentadbiran seperti kelancaran setiap aktiviti yang dirancang. Aktiviti sukarela terhenti sekiranya aliran kewangan perlahan atau lambat. Berdasarkan dapatan yang telah dibincangkan, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan agar kesukarelaan di kalangan mahasiswa harus sentiasa dipantau dan ditingkatkan. Penyelidik mengesyorkan agar Universiti terus memberi peluang dan peluang kepada mahasiswa untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti sukarelawan. Dorongan dan sokongan kuat universiti secara tidak langsung akan membantu mahasiswa untuk terus terlibat dalam aktiviti sukarelawan.

Di samping itu, pengurusan pentadbiran UTM juga harus menjadi yang terbaik. Ini termasuk berurusan dengan pengurusan rekod kewangan masuk dan keluar, pemilihan mereka yang diberi bantuan kepada mereka yang sangat memerlukannya daripada diberi kepentingan sendiri.

RUJUKAN

- [1] Abdullah, R. A. (2017). Motivasi Penglibatan UTHM Terhadap Aktiviti Kesukarelawanan.
- [2] Alias, A. M. & Balakrishnan, V. (2016). Impak kesukarelawanan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur: satu kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4).
- [3] Amin, A. S. A., Tambi, Noordeyana., Ibrahim, N. & Abdullah, S. (2017). Faktor-Faktor Psikologi Yang Mempengaruhi Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan.
- [4] Cnan, R. A., Smith, K. S., Holmes, K., Levent, D. H. & Handy, F. (2010). Motivations and Benefit of Student Comparing Regular, Occasional and Volunteers in Five Countries. *Canadian Journal of Nonprofit and Social Economy Research*, 1(1)65-81.
- [5] Hamzah, S. R., Suandi, Turiman., & Hazmah, A. (2015). Pengaruh kepercayaan, motivasi dan niat terhadap golongan belia dalam aktiviti sukarela di Malaysia. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 1-10.
- [6] Hamzah, S. R., Suandi, T., & Hamzah, A. (2016). Profil Teras Pertubuhan Sukarela Belia Di Malaysia.
- [7] Hassan, S. N., Zakaria, N., & Sobali, A. (2018). Khidmat Sukarela: Komitmen Tulus dan Murni yang Merancakkan Kegiatan Aktiviti Fardu Kifayah.
- [8] Hamzah, S. R., Suandi, T., Shah, J. A., Ismail, I. A., & Hamzah, A. (2016). Understanding The Reason For Malaysian Youth Participation In Volunteering Activities.
- [9] Hager, M. A., & Brudney, J. (2004). Balancing Act: The Challenges and Benefits of Volunteers.
- [10] Hajnalka, F. & Gabriella,P. (2012). Volunteering among Higher Education Students. Focusing on the Micro-level Factors.
- [11] Ibrahim, F., Amin, A. S., & Sivabalan, T. (2015). Penglibatan dan komuniti motivasi kesukarelawanan: ke arah memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa. *Journal of Sosial Sciences and Humanities*, 10), 84-96.
- [12] Idrus, W. N. I. (2015). Motivasi Untuk Terlibat Dalam Badan Sukarela Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam.
- [13] Muhamad, T. A., & Alauddin, A. N. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 51-59.
- [14] Noordegraaf, M. M., & Celebi, M. (2015). The Challenges of Volunteering During International Sport Organizations/Events. *International Journal of Human Sciencse*, 12(1), 1263-1279.
- [15] Rokiah, T. P., & Yasin, L. (2016). Belia dan program kesukarelawanan di Malaysia: satu kajian empirical. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 183-194.
- [16] Rokiah, T. P. & Yasin, L. (2016). Belia dan Pembudayaan Semangat Sukarelawan di Malaysia: Suatu Pemerhatian Konseptual. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 9, 161-172.
- [17] Rahman, H., Jaafar, H., & Nasiruddin, B. N. (2018). Keterlibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawan dan hubungannya dengan kemahiran sosial. *Proceeding of International Conference on Information Technology & Society*, 978-967-2122-64-7.
- [18] Ramli, A., & Husin, F. R. (2017). Impak Hubungan Perniagaan Ke atas Prestasi Organisasi: Penilitian Ke Atas Hubungan Dan Pengaruh Hubungan Perniagaan Ke Atas Prestasi Operasi Gudang Pengilang Di Semanjung Malaysia.
- [19] Rahman, N.(2018). Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Diri Golongan Awal Dewasa di Kedah.
- [20] Tharshini, N. K. & Ibrahim, F. (2019). Pembudayaan Kesukarelawanan Dalam Kalangan Masyarakat: Satu Kajian Ulasan Sistematis.
- [21] Zamzam, M. A. (2017). Penglibatan Mahasiswa Secara Aktif Dalam Aktiviti Sukarelawan dan Kesan Terhadap Pencapaian Akademik: Suatu Kajian Kes Di Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG), Uniza Gong Badak.